



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

**Rekonstruksi Stratifikasi Sosial dalam Kalangan Masyarakat
Bumiputera Pinggir Bandar di Daerah Bau, Sarawak**

Azril Neterhelmy Bin Shaharuddin

**Sarjana Sains Sosial
2023**

**Rekonstruksi Stratifikasi Sosial dalam Kalangan Masyarakat Bumiputera
Pinggir Bandar di Daerah Bau, Sarawak**

Azril Neterhelmy Bin Shaharuddin

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains Sosial

(Sosiologi)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2023

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

Neter.
.....

Tandatangan

Nama: Azril Neterhelmy Bin Shaharuddin

No. Matrik: 20020406

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 28 Mei 2023

PENGHARGAAN

Allhamdulillah dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, dengan limpah dan kurniaNya, akhirnya saya telah berjaya menamatkan perjalanan ijazah sarjana saya. Segala puji bagiNya, satu lagi pencapaian besar di dalam hidup ini telah berjaya dicapai. Dengan telus ikhlas, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr Mohamad Suhaidi Bin Salleh atas segala bimbingan, komen yang bernas dan dedikasi yang diberikan sepanjang menyelia perjalanan sarjana saya ini. Segala jasa dan ilmu yang diberikan saya dahulukan dengan ucapan jutaan terima kasih.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada *Center for Graduate Studies (CGS)* dan Universiti Malaysia Sarawak atas nasihat dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya. Selain itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) kerana telah memilih saya sebagai pembantu penyelidik (GRA). Jutaan terima kasih juga kepada komuniti pinggir bandar di Daerah Bau atas kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang proses pengumpulan data diadakan.

Akhir sekali perjalanan yang indah dan bermakna ini tidak akan terlaksana tanpa sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga daripada ayahanda tercinta, Shaharuddin Bin Mahadi dan bonda tersayang Normastizan Binti Yahaya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada orang yang saya sayangi, ahli keluarga dan rakan-rakan. Tanpa kalian, perjalanan kali ini pasti akan terasa sepi dan berliku. Segala jasa baik dan pengorbanan kalian tidak dapat saya balas dan semoga Allah SWT memberkati segala jasa baik kalian dengan rahmat dan rezeki di dunia dan akhirat.

ABSTRAK

Stratifikasi sosial yang wujud di Malaysia sering berubah dan direkonstruksi seiring dengan peredaran zaman bagi meletakkan masyarakat kepada kelompok-kelompok tertentu. Daripada pengkategorian berdasarkan kategori seperti berpendapatan tinggi, menengah, rendah, kaya, sederhana dan miskin kepada pengkategorian berdasarkan jumlah pendapatan isi rumah bulanan telah digunakan oleh pihak pemerintah untuk menyusun lapis masyarakat di negara ini bagi memudahkan urusan pentadbiran. Impak dari campur tangan pemerintah, kemasukan modal melalui pembangunan dan perubahan ragam pengeluaran telah memberi kesan kepada stratifikasi sosial masyarakat Bumiputera pinggir bandar di Sarawak. Oleh itu, berpandukan kepada pendekatan Multidimensi oleh Max Weber, kajian ini akan mengkaji berkenaan pembentukan stratifikasi sosial yang berlaku dalam kalangan komuniti Bumiputera pinggir bandar di Sarawak, dengan tumpuan kepada faktor yang membawa kepada peletakkan status dan kategori di dalam masyarakat. Tiga objektif utama kajian ini: pertama, mengenalpasti faktor –faktor yang membahagikan individu dan kelompok ke dalam kedudukan dan status sosial tertentu. Kedua, mengukur kesan perubahan aktiviti ekonomi yang berlaku di dalam komuniti pinggir terhadap peletakan kedudukan dan status sosial. Ketiga, mengkaji kaedah penyesuaian sara hidup Bumiputera dengan perubahan ekonomi dan pembangunan setempat yang berlaku. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui pendekatan survei. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen bagi mendapatkan data terhadap responden. Jumlah responden yang terlibat adalah adalah seramai 381 orang yang terdiri daripada penduduk Bumiputera pinggir bandar di Daerah Bau. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Science* (SPSS) bagi mengeluarkan data deskriptif dan inferensi. Dapatan yang diperolehi juga disokong dengan siri tembusan yang dilakukan bersama orang sumber yang

terpilih. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peletakan kedudukan dan status sosial di kawasan pinggir bandar Daerah Bau. Faktor-faktor yang membawa kepada peletakan kedudukan dan status sosial ini pula disusun berdasarkan kepada nilai dan kepentingan faktor tersebut terhadap kepada komuniti. Hasil kajian juga mendapati terdapat pengubahsuaian di dalam aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh komuniti di kawasan tersebut yang mana turut sama membantu dalam memperbaiki kedudukan dan status sosial mereka. Akhir sekali, kajian mendapati, terdapat penambahbaikan dan penyesuaian kaedah sara hidup yang telah dilakukan oleh komuniti pinggir bandar Daerah Bau dalam mendepani peningkatan kos sara hidup yang berlaku. Justeru, melalui kajian yang dilakukan ini, akan dapat menyumbang kepada korpus ilmu stratifikasi sosial masyarakat Bumiputera pinggir bandar sekaligus dapat memberi perspektif baharu dalam memahami struktur dan susun lapis masyarakat di kawasan tersebut.

Kata kunci: Bumiputera, multidimensi, pembangunan, pinggir bandar, stratifikasi sosial

Reconstruction of Social Stratification Among Suburban Bumiputera Community in Bau District, Sarawak

ABSTRACT

Social stratification terms that exists in Malaysia was often changes and reconstructed over the time in order to place the society into certain groups. Changes of categorization based on categories such as high, middle, low, rich, medium and poor to categorization based on the total monthly household income. This categorization has been used by the government to organize the layers or strata in the society to facilitate administrative affairs. Besides, the impact of government intervention, expansion of market force, penetration of capitalism and changes in production patterns had bring an impact towards the social stratification of the suburban Bumiputera community in Sarawak. Therefore, based on the Multidimensional approach by Max Weber, this study will examine the formation of social stratification that occurs among the suburban Bumiputera community in Sarawak, with focus on the factors that lead to the placement of sosial status and categories in society. Three main objectives of this study: first, to identify the factors that assign an individuals or groups into certain sosial status and categories. Second, to measure the impact of changes in economic activity that occur in the suburban community on the positioning and social status. Third, to identify the strategies and adaptation of livelihood that taking place among the Bumiputera in suburban area in Sarawak.. This study implemented a quantitative method through a survey approach. Questionnaire was used as an instrument to obtain data from the respondents. The total number of respondents involved in this study was 381 people who are Bumiputera residents of the suburbs in the Bau District. The data obtained was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) application to extract descriptive and inferential data. The findings are also supported by a series of interviews conducted with

selected source people. The findings of the study show that there is a placement of position and social status in the suburbs of the Bau District. While the factors that lead to the placement of this position and social status are arranged based on the value and importance of the factors towards the community. The results of the study also found that there are modifications in the economic activities carried out by the community in the area which also help in improving their position and social status. Finally, the study found that there are improvements and adaptations of livelihood that have been made by the suburban community of Bau District to face of the increasing cost of subsistence. Thus, this study, will be able to contribute to the corpus of knowledge of the social stratification in the suburban Bumiputera community and at the same time also be able to provide a new perspective in understanding the structure and stratification of the suburban community.

Keywords: *Bumiputera, development, multidimension, social stratification, suburban*

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	16
1.8 Organisasi Tesis / Persembahan Kajian	17
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	19

2.1	Pengenalan	19
2.2	Stratifikasi Sosial	19
2.3	Konsep Utama Penyelidikan	24
2.3.1	Pinggir Bandar	24
2.3.2	Bumiputera	29
2.3.3	Kaedah Sara Hidup	33
2.3.4	Rekonstruksi	36
2.4	Stratifikasi Sosial: Wacana Teoritikal	38
2.4.1	Teori Kelas	38
2.4.2	Status Dan Kuasa	40
2.5	Kajian Stratifikasi Sosial Lepas	45
2.6	Rangka Kerja Kajian	53
2.7	Kesimpulan	56
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Rekabentuk Penyelidikan	59
3.3	Pelaksanaan Kajian / Fasa Kajian	60
3.4	Kaedah Pengumpulan Data Dan Instrumen Kajian	63
3.4.1	Tatacara Pengumpulan Data	64
3.4.2	Borang Soal Selidik	66

3.4.3	Percubaan Soal Selidik	69
3.4.4	Data Sekunder	70
3.5	Prosedur Menganalisis Data	71
3.5.1	Analisis Deskriptif	71
3.5.2	Analisis Inferensi	72
3.5.3	Pengunaan SPSS (Statistical Package for Social Science)	73
3.6	Populasi Dan Persampelan	74
3.7	Kawasan Kajian	77
3.8	Skop Kajian	78
3.9	Etika Kajian	79
3.9.1	Kerahsiaan	80
3.9.2	Borang Persetujuan Termaklum	80
3.10	Kesimpulan	81
BAB 4	DEMOGRAFI DAN PROFIL RESPONDEN	83
4.1	Pengenalan	83
4.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	83
4.2.1	Bau	83
4.2.2	Kampung Bobak	87
4.2.3	Kampung Tanjong Bowang	88
4.2.4	Kampung Tanjong Poting	92

4.3	Demografi Dan Profil Responden	94
4.3.1	Jantina, Umur Dan Status Perkahwinan	95
4.3.2	Bangsa	98
4.3.3	Tahap Pendidikan	100
4.3.4	Pekerjaan	102
4.3.5	Pendapatan	104
4.3.6	Saiz Dan Tanggungan Keluarga	108
4.4	Kesimpulan	110
BAB 5	AKTIVITI EKONOMI DAN PERUBAHAN STATUS	112
5.1	Pengenalan	112
5.2	Aktiviti Ekonomi Pinggir Bandar Bau, Sarawak	113
5.3	Pekerjaan Bumiputera Pinggir Bandar Daerah Bau	114
5.4	Pendapatan Penduduk	119
5.5	Kesan Perubahan Aktiviti Ekonomi Terhadap Peletakan Status KIR	122
5.5.1	Perubahan Pendapatan	123
5.5.2	Perubahan Pekerjaan	127
5.5.3	Peningkatan Tahap Pendidikan	133
5.6	Kesimpulan	136
BAB 6	FAKTOR PENGUKURAN STRATIFIKASI SOSIAL DALAM KOMUNITI	138
6.1	Pengenalan	138

6.2	Ukuran Stratifikasi Sosial	138
6.3	Faktor Objektif	140
6.3.1	Pendidikan	140
6.3.2	Pekerjaan	144
6.3.3	Pendapatan	147
6.3.4	Harta Dan Aset	151
6.4	Faktor Subjektif	155
6.4.1	Jawatan	155
6.4.2	Sumbangan Terhadap Masyarakat	158
6.4.3	Kelimuan Dan Kemahiran	160
6.5	Faktor Stratifikasi Sosial Bumputera Pinggir Bandar Bau, Sarawak	163
BAB 7 STRATEGI SARA HIDUP KOMUNITI		165
7.1	Pengenalan	165
7.2	Strategi Penyesuaian Kaedah Sara Hidup	167
7.2.1	Kepelbagaian Kaedah Sara Hidup	170
7.2.2	Kepelbagaian Sumber Pendapatan	174
7.2.3	Amalan Tabungan Dalam Kalangan Komuniti Pinggir Bandar	179
7.2.4	Pembaharuan Dan Teknologi Dalam Pertanian	184
7.2.5	Strategi Pemasaran Pertanian	188
7.3	Kesimpulan	192

BAB 8 KESIMPULAN DAN CADANGAN	194
8.1 Pengenalan	194
8.2 Ringkasan Kajian	194
8.3 Kesimpulan	196
8.3.1 Kesan Perubahan Aktiviti Ekonomi Terhadap Status	196
8.3.2 Faktor Yang Mempengaruhi Stratifikasi Sosial	201
8.3.3 Strategi Penyesuaian Sara Hidup	210
8.4 Cadangan Kajian Susulan	213
8.5 Penutup	215
RUJUKAN	218
LAMPIRAN	228

SENARAI JADUAL

	Mukasurat
Jadual 4.1 Senarai Agensi / Pejabat Kerajaan di Daerah Bau	84
Jadual 4.2 Informasi Kampung Bobak	88
Jadual 4.3 Informasi Kampung Tanjong Bowang	92
Jadual 4.4 Informasi Kampung Tanjong Poting	94
Jadual 4.5 Jumlah Responden Mengikut Kampung	95
Jadual 4.6 Jantina Ketua Isi Rumah (KIR)	96
Jadual 4.7 Umur Ketua Isi Rumah (KIR)	97
Jadual 4.8 Status Perkahwinan KIR	98
Jadual 4.9 Tahap Pendidikan KIR	100
Jadual 4.10 Pekerjaan KIR	103
Jadual 4.11 Pendapatan KIR	104
Jadual 4.12 Saiz Dan Tanggungan Keluarga KIR	108
Jadual 5.1 Perbandingan Pekerjaan Antara Bapa KIR Dan KIR	115
Jadual 5.2 Perubahan Pendapatan Bapa KIR Dan KIR	120
Jadual 5.3 Perbandingan Pendapatan Dan Pekerjaan KIR	124
Jadual 5.4 Kategori Pekerjaan KIR	128
Jadual 5.5 Tahap Pencapaian Pendidikan Antara Tiga Generasi	134
Jadual 6.1 Nilai Dan Hubungan Korelasi	140
Jadual 6.2 Korelasi Diantara Status KIR Dan Pendidikan	142
Jadual 6.3 Status KIR dan Persepsi KIR Terhadap Faktor Pendidikan	143
Jadual 6.4 Korelasi Diantara Status KIR Dan Pekerjaan	146
Jadual 6.5 Status KIR Dan Persepsi KIR Terhadap Faktor Pekerjaan	147
Jadual 6.6 Perbezaan Jumlah Pendapatan Antara KIR dan Bapa KIR	148

Jadual 6.7 Korelasi Diantara Status KIR Dan Pendapatan	149
Jadual 6.8 Status KIR Dan Persepsi KIR Terhadap Faktor Pendapatan	150
Jadual 6.9 Harta Dan Aset Yang Dimiliki KIR	152
Jadual 6.10 Korelasi Diantara Status KIR Dan Pemilikan Harta / Aset	153
Jadual 6.11 Status KIR Dan Persepsi KIR Terhadap Faktor Harta / Aset	154
Jadual 6.12 Korelasi Diantara Status KIR dan Jawatan	157
Jadual 6.13 Korelasi Diantara Status KIR Dan Sumbangan Terhadap Masyarakat	160
Jadual 6.14 Korelasi Diantara Status KIR Dan Keilmuan	162
Jadual 6.15 Hubungan Antara Status Dan Faktor-Faktor	163
Jadual 7.1 Skor Min Dan Interpretasi	166
Jadual 7.2 Strategi Penyesuaian Kaedah Sara Hidup KIR Pinggir Bandar	168
Jadual 7.3 Perbandingan Pekerjaan Utama Dan Sampingan KIR	172
Jadual 7.4 Sumber Pendapatan KIR	176
Jadual 7.5 Amalan Tabungan KIR	181
Jadual 7.6 Penggunaan Peralatan Dan Teknologi Di Dalam Pertanian	186
Jadual 7.7 Pemasaran Pertanian Bumiputera Pinggir Bandar Daerah Bau	191

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 2.1 Rangka Kerja Kajian	53
Rajah 3.1 Aliran Reka Bentuk Kajian Berdasarkan Peringkat	61
Rajah 3.2 Prosedur Analisis Menggunakan SPSS	74
Rajah 3.3 Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan, 1970)	76
Rajah 3.4 Peta Daerah Bau (<i>Google Map, 2021</i>)	77
Rajah 4.1 Bangsa Ketua Isi Rumah (KIR)	99
Rajah 7.1 Analisis Keperluan Kepelbagaian Kaedah Sara Hidup	171
Rajah 7.2 Analisis Kepelbagaian Sumber Pendapatan	174
Rajah 7.3 Analisis Keperluan Amalan Menabung KIR	179
Rajah 7.4 Penggunaan Teknologi Dan Pembaharuan Kaedah Tanaman	184
Rajah 7.5 Analisis Keperluan Mempelajari Strategi Pemasaran	188

SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ASB	Amanah Saham Bumiputera
B40	Bawah 40 / <i>Below 40</i>
CGS	<i>Center for Graduate Studies</i>
CMPC	<i>Catholic Memorial Pilgrimage Center</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baharu
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DPN	Dasar Pertanian Negara
KIR	Ketua Isi Rumah
KPKT	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
KK	Ketua Kaum
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
M40	Menengah 40 / <i>Middle 40</i>
PGK	Panduan Garis Kemiskinan
SALCRA	<i>Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
SPSS	<i>Statistical Package for The Social Science</i>
T20	Tinggi 20 / <i>Top 20</i>
TK	Tua Kampung
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
YB	Yang Berhormat

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, mengandungi gambaran keseluruhan berkenaan latar belakang kajian bagi kajian sarjana yang bertajuk “Rekonstruksi Stratifikasi Sosial Dalam Kalangan Masyarakat Bumiputera Pinggir Bandar Di Sarawak”. Bab ini mengandungi lapan subtopik iaitu: latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka analisis kajian, skop dan batasan kajian, organisasi tesis/persembahan kajian dan kesimpulan ringkas.

1.2 Latar Belakang Kajian

Stratifikasi sosial berkembang luas ke dalam masyarakat seiring dengan Revolusi Perindustrian yang bermula di *Great Britain* pada pertengahan 1700-an (Sanderson & Alderson, 2005). Sistem stratifikasi sosial adalah salah satu fenomena yang dianggap sebagai salah satu aspek penting di dalam kajian sosiologi. Stratifikasi sosial adalah proses pengelompokan individu atau kumpulan ke dalam hierarki tertentu dalam masyarakat. Warner (2006), menyatakan bahawa kumpulan masyarakat yang kompleks memerlukan sistem hierarki sosial dan kelas sosial agar dapat terus bertahan. Hal ini menunjukkan sistem stratifikasi sosial yang wujud memberi impak yang besar kepada pembentukan sesebuah masyarakat.

Konsep stratifikasi sosial dapat diperlihatkan bukan sahaja pada waktu sekarang bahkan boleh dijejak semenjak zaman Plato lagi. Daripada masyarakat tradisional hingga ke masyarakat moden, stratifikasi sosial ini sering berubah seiring dengan perubahan zaman

yang ditandai dengan kemajuan material. Stratifikasi sosial dalam sesebuah negara adalah berbeza dengan negara lain namun masih berkongsi ciri umum yang hampir sama. Kerbo (2003), menyatakan bahawa stratifikasi sosial ini wujud di setiap komuniti dan boleh berbeza dari satu sama lain. Di sesetengah negara, stratifikasi sosial digunakan oleh pihak pemerintah bagi melancarkan urusan pembahagiaan masyarakat bagi tujuan pembangunan negara. Stratifikasi ini meletakkan masyarakat ke dalam beberapa kelompok berdasarkan kepada indikator-indikator tertentu. Penggunaan kategori seperti berpendapatan tinggi, menengah dan rendah atau kaya, sederhana dan miskin telah digunakan oleh pihak pemerintah untuk meletakkan individu dan kumpulan dalam susun lapis masyarakat.

Penggunaan stratifikasi sosial sering berubah dan ditukar supaya sentiasa bersesuaian dan relevan dengan perubahan yang berlaku. Misalnya, kategori sosial masyarakat di negara ini yang berdasarkan kepada pendapatan bulanan isi rumah. Maka terhasil pengkategorian seperti T20 (Tertinggi 20%), M40 (Menengah 40%) dan B40 (Bawah 40%). Kaedah pengukuran bagi stratifikasi sosial ini juga adalah berbeza daripada kawasan bandar dan luar bandar kerana tahap pembangunan yang berlaku di kedua kawasan ini adalah berbeza. Hal ini demikian kerana pembangunan sesebuah kawasan tersebut turut menjadi kayu pengukur bagi penentuan stratifikasi sosial.

Selain kawasan bandar dan luar bandar, terdapat kawasan penempatan yang wujud akibat pembandaran yang semakin meluas dan terlepas pandang oleh ahli sosiologi sebagai tumpuan kajian iaitu kawasan pinggir bandar. Kepesatan pembangunan terancang menyebabkan kampung pinggir bandar kian terhimpit dalam arus perkembangan pembandaran (Anuar Amir, 2006). Proses pembangunan dan pembandaran yang makin rancak di kawasan bandar telah menyebabkan kawasan pinggir bandar mendapat impak yang

bukan sahaja memberi kesan terhadap ekonomi malahan turut memberi kesan terhadap perkembangan sosial di kawasan pinggir bandar ini. Perkembangan sosial yang dimaksudkan ini juga merangkumi perubahan stratifikasi sosial yang mungkin berlaku kesan daripada pembangunan dan pemodenan yang berlaku di kawasan tersebut. Pelaburan dari syarikat-syarikat besar serta peningkatan peranan pemerintah terhadap kawasan pinggir bandar ini telah mengubah lanskap ekonomi ini kawasan yang dahulunya berasaskan kepada aktiviti tradisional beransur-ansur berubah kepada aktiviti ekonomi moden dan penggunaan teknologi dalam perniagaan sehari-hari (Abdul Halim Ali, 2006).

Abdul Rahman Embong (2003) beranggapan bahawa kemajuan yang dikehendaki ini mempunyai hubungan yang terus dengan perubahan pola pekerjaan tenaga kerja, yang mana penurunan tenaga kerja di desa dan pertambahan tenaga kerja di sektor-sektor perindustrian dan perkhidmatan. Jumlah penurunan jumlah tenaga kerja di desa menunjukkan perubahan yang drastik iaitu daripada 54% pada tahun 1970 kepada hanya 16.1% pada tahun 2000. Manakala jumlah tenaga kerja di sektor perkhidmatan dan perindustrian telah bertambah dengan pesat iaitu daripada 8.7% pada tahun 1970 kepada 27.6% pada tahun 2000 dan jumlah ini dijangka akan meningkat dari tahun ke tahun.

Berdasarkan statistik utama tenaga buruh di Malaysia, data menunjukkan jumlah pekerja di sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan menunjukkan pertambahan yang konsisten dan positif manakala di sektor pertanian dan perlombongan pula menunjukkan penurunan yang ketara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Percambahan sektor perkhidmatan dan perindustrian di kawasan bandar ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada penduduk di kawasan pinggir bandar yang perlu beradaptasi dengan proses pembandaran yang berlaku. Lambakan pekerja di sektor-sektor pembuatan dan

perkhidmatan telah membawa kepada pertambahan penduduk di kawasan pinggir bandar yang turut bercampur dengan penduduk asal kawasan tersebut. Oleh yang demikian, stratifikasi sosial asal yang wujud di kawasan pinggir bandar mungkin mengalami perubahan akibat daripada kesan pembandaran dan penghijrahan pekerja dari kawasan bandar dan luar bandar.

Selaku kumpulan majoriti di negara ini, komuniti Bumiputera tidak dapat lari daripada menerima tempias kesan daripada pembandaran dan pembangunan yang berlaku. Bumiputera jika diterjemahkan secara alami membawa maksud “anak kepada tanah” iaitu mereka yang menetap dan berasal dari kawasan tersebut (Mason & Omar, 2004). Jumlah Bumiputera di negara ini sangat tinggi iaitu sejumlah 17,523,508 orang yang mana 14,191,720 daripada jumlah tersebut adalah daripada Bumiputera melayu dan selebihnya daripada lain-lain etnik (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Pelbagai polisi dan pelan pembangunan yang telah dirancang bagi membangunkan ekonomi serta sosial komuniti Bumiputera di negara ini. Hal ini demikian kerana, jurang ekonomi yang begitu ketara dapat dilihat di antara kaum lain dan komuniti Bumiputera ini. Kebanyakkan komuniti Bumiputera ini menetap di kawasan luar bandar dan desa dan mengamalkan ekonomi tradisional yang menyebabkan mereka ketinggalan dari segi ekonomi.

Oleh yang demikian pelbagai dasar dan pelan pembangunan yang telah dilakukan oleh pihak pemerintah bagi mengatasi masalah ini. Bumiputera merupakan kumpulan majoriti yang paling banyak menerima manfaat daripada dasar dan pelan pembangunan yang dirangka terutamanya dalam Dasar Ekonomi Baharu (DEB). Sebagai contoh, Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang dirangka bagi merapatkan jurang ekonomi yang berlaku antara Bumiputera kawasan luar bandar dan kaum lain seperti cina yang tinggal di bandar. (DEB)

ini memberikan sumbangan besar terhadap pemasangan hak yang istimewa terhadap satu etnik sahaja di Malaysia iaitu Bumiputera, sehingga mewujudkan perbezaan antara etnik asli dan kumpulan lain (Calvin, 2019). Walaupun begitu, disebalik segala bentuk dasar dan pelan pembangunan yang dijalankan terhadap komuniti Bumiputera ini, masih lagi terdapat jurang yang ketara daripada segi jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Bumiputera dan bukan Bumiputera. Menurut penyiasatan pendapatan isi rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), purata isi rumah bulanan komuniti Bumiputera adalah RM 7936 di kawasan bandar dan RM 4866 di kawasan luar bandar. Jumlah ini dilihat masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum Cina dan India yang mempunyai jumlah pendapatan bulanan lebih tinggi iaitu RM 9895 di kawasan bandar dan RM 6318 di kawasan luar bandar.

Dasar Ekonomi Baharu (DEB) diperkenalkan oleh pihak pemerintah bagi mengatasi masalah jurang ekonomi yang ketara (Jomo, 2005). Dasar ini juga menggalakkan penghijrahan Bumiputera ke kawasan bandar bagi mengubah lanskap kehidupan mereka. Abdul Rahman Embong (2011) mencadangkan kehidupan bandar khususnya bagi orang Melayu dan Bumiputera adalah suatu pengalaman yang baharu, dan ianya tidak lagi suatu perkara baharu bagi kaum lain seperti kaum Cina dan India. Meskipun begitu, pelaksanaan DEB ini dilihat masih lagi tidak dapat merapatkan jurang ekonomi antara komuniti Bumiputera dan bukan Bumiputera. Perkara ini dapat dilihat dengan lebih jelas di dalam komuniti Bumiputera minoriti seperti Iban di Sarawak dan Kadazan Dusun di Sabah. Menurut Jawan & Yusoff (2005), terdapat kumpulan Bumiputera minoriti lain yang turut sama ketinggalan dalam menikmati faedah pembangunan yang dikecapi. Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang diperkenalkan oleh pihak pemerintah untuk mengatasi jurang ekonomi yang ketara antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dilihat hanya terlalu memberi fokus

kepada kaum Melayu sahaja dan kurang memberi perhatian kepada masyarakat Bumiputera minoriti sedangkan mereka juga tergolong dalam kalangan Bumiputera yang termaktub di dalam perlembagaan. Selain itu, mereka juga mendapat hak seperti mana yang diperolehi oleh etnik Bumiputera yang lain. Oleh yang demikian pelbagai perkara perlu diteliti dengan lebih mendalam seperti aspek sosial dan ekonomi yang memberi kesan kepada komuniti Bumiputera di kawasan pinggir bandar Sarawak.

1.3 Penyataan Masalah

Kawasan pinggir bandar merupakan sebuah kawasan penempatan yang wujud di antara kawasan bandar dan luar bandar (Jauhainen, 2013). Pembangunan di kawasan bandar, terutamanya dengan pertambahan penduduk serta percambahan aktiviti ekonomi telah memberi kesan kepada kawasan pinggir bandar. Oleh yang demikian, kawasan pinggir bandar turut mendapat impak daripada pembangunan dan kemajuan yang berlaku di kawasan bandar terutamanya percampuran aktiviti ekonomi moden dan tradisional. Salah satu unsur penting yang turut memberi kesan kepada perubahan kawasan luar bandar dan pinggir bandar adalah perluasan kuasa pasar (Abdul Halim Ali, 2006). Menurut Chamhuri Siwar, et al. (1992), proses perluasan pasaran telah ditingkatkan lagi dengan sokongan perkembangan kapitalisme. Perubahan daripada sebuah kawasan perniagaan secara kecil-kecilan, kuasa pasaran ini akan mulai berkembang dengan adanya pelaburan dari kuasa-kuasa besar dalam perniagaan. Perluasan kuasa pasaran ke kawasan pinggir bandar disokong oleh peranan pemerintah terhadap kawasan pinggir bandar ini sedikit sebanyak telah memberi kesan bukan sahaja kepada aktiviti ekonomi malahan proses sosial di kawasan pinggir bandar tersebut (Abdul Halim Ali, 2006).